

PENCALONAN ANUGERAH PIALA YBMA

KONGRES GLOBAL KESIHATAN MENTAL DAN KESEJAHTERAAN KELUARGA MUSLIM

30-31 OKTOBER 2021

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الرَّجُلُ قَوْامُونَ عَلَى النِّسَاءِ

1. "Ar-rijalu qawwamun 'ala an-nisa (An-Nisa: 34)". "Setiap lelaki Muslim, setelah **mencapai status kerohanian tertentu**, mempunyai tanggungjawab untuk **memberi khidmat kepada wanita di dunia**, Muslim & bukan Muslim. " - Syeikh Muhd Adeyinka Mendes.

2. Seluruh dunia termasuk Malaysia kini dalam perjalanan menuju pemulihan pasca pandemik. Perlindungan yang lebih ampuh bagi wanita, kanak-kanak dan ahli keluarga hanya boleh berlaku sekiranya kaum lelaki memainkan peranan mereka sebagai "Ar-rijalu qawwamun ala annisa. "

3. **Kaum lelaki berperanan sebagai pembela bukan pendera.** Wanita dan kanak-kanak akan berasa selamat dan gembira apabila kaum lelaki menunjukkan kebaikan dan keperihatinan mereka.

4. Umat Islam akan menjadi contoh teladan sekiranya kaum lelaki mempraktikkan apa yang telah disabdakan oleh yang dikasihi Nabi Muhammad (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) khutbah perpisahan di Mekah mengenai kesejahteraan wanita dan kanak-kanak.

5. Wanita Muslim dan bukan Muslim tidak perlu memperjuangkan hak dan keselamatan mereka. Mereka disayangi dan dihormati. Maruah mereka sangat dihargai oleh "**Lelaki Qawwam**".

6. Manakala "**Wanita Ra'idadah**" pula tidak hanya menjaga maruah dirinya tetapi memainkan peranan penting dalam memastikan kesejahteraan anak-anak, keluarga dan masyarakat. Dia seorang wanita yang berkeyakinan tinggi, menjaga keselamatan, prihatin dan sering memberi inspirasi semasa menyampaikan pandangannya yang penuh hikmah.

7. "**Remaja Lelaki Qudwah**" dan "**Remaja Perempuan Usrah**" adalah golongan remaja yang boleh dijadikan contoh teladan. Mereka mengorbankan diri untuk ahli keluarga dan pada masa yang sama mampu menjaga status kesihatan mental dan kesejahteraan mereka sendiri dengan baik. Tekanan adalah sumber motivasi untuk mereka menjadi lebih baik terutama semasa Pandemik COVID-19.

BORANG PENCALONAN JEJAKA QAWWAM:

<https://forms.gle/jwTGDPJSoggs7yhY9>

BORANG PENCALONAN WANITA RA'IDAH:

<https://forms.gle/DDkjWrSuFWetzVtP8>

BORANG PENCALONAN REMAJA: LELAKI QUDWAH & PEREMPUAN USWAH.

<https://forms.gle/qYCntaXdzVHfJ5ccA>

TARIKH TUTUP : 25 OKTOBER 2021